

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [LIPIS] minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan punca berlakunya kelewatan daripada pihak TNB untuk memasang tiang-tiang elektrik kepada bangunan atau rumah yang baru dibina sehingga mengakibatkan kelewatan untuk sesebuah projek pembangunan beroperasi seperti balai raya dan rumah mesra rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara amnya, terdapat beberapa situasi yang boleh menyebabkan kelewatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam memberi bekalan kepada pengguna. Antaranya ialah kelewatan mendapat kelulusan permit izin lalu, kelewatan pembayaran cas sambungan pengguna (CSP) atau lokasi projek pembangunan yang dirancang jauh daripada infrastruktur atau punca bekalan elektrik yang terdekat.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga sentiasa memastikan peningkatan mutu perkhidmatan TNB melalui pematuhan kepada *Guaranteed Service Level* (GSL). GSL meliputi lima petunjuk prestasi termasuklah penetapan tempoh masa untuk pihak TNB memberikan bekalan elektrik yang dipohon. Ketidakpatuhan kepada GSL memerlukan pihak TNB membayar penalti dalam bentuk rebat kepada pengguna. Purata pencapaian GSL yang direkodkan oleh TNB ialah 98.61% sehingga 30 Jun 2016

dengan jumlah rebat yang dibayar kepada pengguna sebanyak RM
6,074,910.00 disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap GSL.
